



TAJAAN jamuan moreh juga diperluaskan ke universiti awam di seluruh negara dalam usaha menyantuni komuniti sepanjang bulan Ramadan yang mulia ini.



Misi Moreh Mekdi imarahkan Ramadan

McDonald's taja hidangan moreh untuk ceriakan golongan yang kurang berkemampuan, pelajar berjauhan dengan keluarga

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Restoran khidmat segera terkemuka, McDonald's Malaysia meneruskan acara tahunan mereka menaja jamuan moreh di masjid dan surau di seluruh negara sepanjang bulan Ramadan ini.

Istimewanya, tahun ini program tajaan moreh ini dinamakan sebagai Misi Moreh Mekdi.

Tajaan jamuan moreh juga diperluaskan ke universiti awam di seluruh negara dalam usaha menyantuni komuniti sepanjang bulan Ramadan yang mulia ini.

Pengarah Urusan dan Rakan Operasi Tempatan McDonald's Malaysia, Datuk Azmir Jaafar berkata, setiap tahun pihaknya mengadakan pelbagai inisiatif yang

memberi manfaat kepada komuniti di sekitar lokasi beroperasi.

"Misi Moreh Mekdi ini adalah acara tahunan McDonald's Malaysia sejak sembilan tahun yang lalu dan menjadi satu inisiatif yang dekat di hati kami.

"Tahun ini, berkat rezeki yang ingin kami kongsi bersama komuniti dan usaha dalam mengimarahkan masjid dan surau, selain penjenamaan semula, acara ini juga diperluaskan lagi edarannya meliputi universiti awam terpilih di seluruh negara.

"Ini adalah bagi memberi kegembiraan kepada pelajar yang kurang berkemampu-

an dan berjauhan dengan keluarga untuk sama-sama menikmati menu kegemaran masyarakat Malaysia ini," katanya.

Sejak 1 Ramadan lalu, Misi Moreh Mekdi sudah memulakan penjelajahan ke beberapa lokasi masjid dan surau antaranya Masjid Saidina Hamzah dan Masjid Al-Hidayah Sentul, Kuala Lumpur.

Timbalan Pengerusi Masjid Al-Hidayah Sentul yang juga penduduk di Sentul Impian, Hairul Anwar Ashaari berkata, sumbangan moreh daripada McDonald's Malaysia itu sangat membantu pihak pengurusan masjid dalam usaha mengimarahkan masjid

dan surau.

Katanya, tajaan moreh ini juga dapat menggalakkan kehadiran komuniti sekeliling untuk hadir ke masjid di samping menghidupkan suasana bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

"Kebanyakan jemaah di sini terdiri daripada golongan B40 yang tinggal di tujuh blok flat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Oleh itu, Moreh tajaan McDonald's Malaysia secara tidak langsung dapat memberi keselesaan kepada jemaah bermalam di masjid dan surau untuk beribadah di bulan Ramadan ini tanpa rasa lapar," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Masjid Al-Hidayah Sentul yang juga pesara DBKL, Mohd Jiwa Khairi berharap Misi Moreh Mekdi dapat diteruskan pada masa akan datang.



MISI Moreh Mekdi sudah memulakan penjelajahan ke beberapa lokasi masjid dan surau.

**Syukur
McDonald's sudi
infaqkan bantuan
kepada masjid
Mohd Jiwa**

"Kami bersyukur McDonald's sudi menginfaqkan bantuan kepada masjid.

"Saya mewakili Masjid Al-Hidayah mengucapkan terima kasih dan berharap kita dapat menjalin kerjasama bagi program lain pada masa akan datang," katanya.

Inisiatif mendekati komuniti di sekitar lokasi operasi

McDonald's yang mampu membawa impak positif adalah nilai teras McDonald's Malaysia.

Dengan peningkatan jumlah restoran saban tahun, 2022 adalah tahun kejayaan McDonald's dengan pencapaian jumlah pelaksanaan aktiviti kemasyarakatan terbanyak setakat ini iaitu lebih 19,000 program komuniti.